



LEPASAN TVET KINI BURUAN

Oleh Khairul Ariffin

MUSIM peperiksaan penting telah pun berlalu. Oleh itu, bagi mereka yang berjaya dalam peperiksaan dan memenuhi syarat kelayakan pula pastinya ingin meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Sehubungan dengan itu, mereka akan memilih untuk mengikuti kursus yang diminati di pusat pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, ada yang bernasib baik kerana mendapat kursus yang dihajati. Ada juga yang berjaya mendapat tempat di universiti tetapi gagal mendapat pusat pengajian tinggi diidam-idamkan atau kursus yang diharapkan kerana diberikan pilihan lain di luar bidang yang diminati. Tidak kurang pula ada yang gagal sama sekali.

Namun begitu, jumlah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang ada kini masih tidak dapat menampung ribuan lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia.

Permohonan yang dibuat oleh mereka dikatakan melebihi penawaran oleh IPTA sama ada bagi program ijazah pertama, diploma ataupun asasi. Hasilnya, ramai yang gagal untuk mendapat tempat walaupun setelah rayuan dibuat. Bagi golongan berada, isu kewangan tidak menjadi bebanan dan mereka boleh sahaja memilih untuk belajar di institusi pengajian swasta. Oleh itu, bagi pelajar lain, merancang semula pelan pendidikan merupakan keputusan terbaik untuk masa hadapan mereka.

Bidang kemahiran kini bukan lagi menjadi pilihan terakhir untuk pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi sejajar dengan Revolusi Industri 4.0. Oleh itu, bidang kemahiran perlu dilihat sebagai pilihan utama dan bukan lagi pilihan kedua pelajar untuk kerjaya masa hadapan. Kemahiran merupakan aset bagi persediaan diri seseorang untuk menceburi dunia pekerjaan. Sektor guna tenaga



pada masa ini menekankan aspek kemahiran berbanding dengan aspek akademik semata-mata.

Sehubungan dengan itu, peluang kerjaya kepada seseorang yang memiliki kemahiran lebih terbuka luas. Seseorang itu boleh terus diambil untuk bekerja tanpa perlu banyak menjalani latihan berbanding dengan mereka yang hanya berkelayakan akademik semata-mata. Sebagai contoh, melalui ilmu kemahiran yang ditimba dan latihan amali yang telah dilalui, pelajar yang berkemahiran fesyen boleh membuka kedai jahit atau butik fesyen. Bagi mereka yang belajar tentang automotif boleh sahaja membuka bengkel kereta atau motor. Begitu juga bagi yang berkemahiran komputer, mereka boleh membuka kedai memperbaiki komputer.

Hasilnya, kini ramai yang telah menyedari bahawa selain pengajian yang berteraskan akademik semata-


Bagi tujuan menyediakan latihan TVET yang dipadankan dengan pekerjaan yang bersesuaian, kerajaan juga menyediakan RM30 juta untuk melatih lebih tiga ribu belia daripada keluarga berpendapatan rendah dengan kerjasama Pembangunan Sumber Manusia Berhad.

mata, mereka juga boleh memohon kursus yang berteraskan vokasional dan kemahiran sebagai alternatif yang dapat memberikan jaminan untuk masa hadapan. Oleh yang demikian, ramai yang berminat untuk meneruskan pengajian masing-masing dalam bidang kemahiran sehingga ada yang menjadikannya sebagai pilihan utama. Maka itu, ramai yang telah memohon untuk memasuki sekolah menengah teknik, politeknik, kolej vokasional, institut kemahiran, pusat latihan belia dan lain-lain.

Aliran pendidikan teknik dan vokasional (TVET) bukanlah satu aliran pendidikan yang asing di Malaysia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 telah memberikan penekanan yang khusus mengenai keperluan TVET dalam pasaran buruh dan ekonomi negara. Perhatian yang khusus juga diberikan oleh kerajaan melalui pengumuman Bajet 2019 terhadap pemerkasaan pendidikan TVET. Bagi tujuan menyediakan latihan TVET yang dipadankan dengan pekerjaan yang bersesuaian, kerajaan juga menyediakan RM30 juta untuk melatih lebih tiga ribu belia daripada keluarga berpendapatan rendah dengan kerjasama Pembangunan Sumber Manusia Berhad.

Kerajaan turut memperuntukkan sebanyak RM5.9 bilion bagi mengurusperdanakan TVET dalam negara. Menurut Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, menerusi peruntukan itu, sinergi antara sektor awam dengan swasta dapat diperkukuh menerusi peningkatan pembiayaan Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (SSDC). Sehubungan dengan itu, kerajaan memperuntukkan RM50 juta melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran bagi membiayai kursus TVET yang dilaksanakan SSDC.

Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) pula diberikan kebenaran untuk menggunakan lebih hasil





Rajah 1: Kelebihan TVET

yang dijanakan daripada kursus TVET yang disediakan kepada industri untuk perbelanjaan seperti menaik taraf peralatan dan melantik tenaga pengajar daripada industri. Geran padanan yang berjumlah RM20 juta disediakan bagi menyokong kursus TVET yang direka khas untuk dilaksanakan dengan menggalakkan

kerjasama industri oleh ILKA. Kerajaan turut akan memperluaskan laluan kerjaya graduan TVET untuk melanjutkan pengajian dan mendapatkan pekerjaan.

Pada 2015, Malaysia Board of Technologists ditubuhkan bagi memperkukuh industri TVET di Malaysia yang berperanan dalam

menyediakan latihan dan sukatan pengajaran bagi membolehkan sebanyak 30 ribu juruteknik dan yang terlibat dalam industri berkaitan dengan teknologi diiktiraf sebagai golongan profesional. Inisiatif ini dilihat sebagai satu daripada cara untuk memartabatkan pendidikan TVET melalui pengiktirafan lepasan

TVET yang lebih banyak sebagai profesional dalam pasaran buruh.

Sebanyak dua institusi TVET awam telah ditubuhkan pada tahun 1964 untuk menyediakan latihan kemahiran kepada belia, iaitu Institut Kemahiran Belia dan Negara Dusun Tua dan Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur. Pada hari ini, terdapat lebih daripada 500 institusi TVET awam yang menawarkan pelbagai program TVET bagi semua peringkat pendidikan.

Secara umumnya, ada dua laluan untuk pelajar memasuki bidang TVET, iaitu menerusi SPM atau Pentaksiran Tingkatan Tiga. Lulusan SPM berpeluang untuk melanjutkan pelajaran sama ada bagi program sijil ataupun diploma dalam program TVET yang berkemahiran tinggi. Bagi pelajar yang kurang kecenderungan dalam akademik dan remaja di luar sistem pendidikan pula, mereka boleh memohon program khas sijil dan Sistem Latihan Dual Nasional. Kelayakan minimum bagi memasuki pelajar ke institusi TVET berdasarkan tawaran yang dikeluarkan oleh kementerian atau agensi yang melaksanakan program.

Bagi mereka yang ingin meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, ada beberapa universiti yang turut menawarkan kursus pada peringkat sarjana muda, iaitu Universiti Malaysia Perlis, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Kuala Lumpur, University College Agriculture Malaysia, serta Universiti Tun Hussein Onn.

Kolej vokasional (KV) juga menjadi pilihan ramai kerana menawarkan lebih 70 program kemahiran yang membabitkan sebanyak 90 KV di seluruh negara. Berdasarkan rekod daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, lebih 80 peratus lulusan KV mendapat pekerjaan mengikut bidang pilihan terbaik sahaja

tamat pengajian. Hal tersebut membuktikan bahawa mereka menerima pengiktirafan daripada industri. Ada sebahagian daripada pelajar KV ditawarkan peluang pekerjaan terbaik sahaja mereka tamat latihan praktikal dan ada juga yang belum sempat menamatkan pengajian. Hal ini membuktikan bahawa kursus yang ditawarkan oleh KV memenuhi kehendak industri.

Bagi para graduan yang masih menganggur pula, mereka disarankan supaya menjalani kursus TVET bagi meningkatkan lagi peluang mereka untuk memperoleh pekerjaan. Melalui kemahiran yang diperoleh itu, secara tidak langsung dapat membantu mereka mempunyai nilai tambah yang amat berguna ketika memohon pekerjaan kelak, di samping kelulusan akademik yang diperoleh daripada institusi pengajian tinggi. Kebolehpasaran kerja graduan kemahiran TVET lebih tinggi, iaitu 98 peratus berbanding dengan graduan universiti, iaitu sebanyak 60 peratus.

Situasi tersebut menunjukkan persaingan untuk mendapatkan kerja semakin sengit dan taraf kelayakan untuk sesuatu jawatan semakin meningkat dan terus meningkat. Setiap tahun, ribuan graduan baharu dilahirkan oleh institusi pendidikan tinggi lain seperti politeknik serta institut latihan kemahiran. Pelajar berkemahiran dikatakan lebih terbuka peluangnya untuk mendapat kerja, khususnya untuk jawatan peringkat pertengahan.

Jadual 1: 10 Kursus Kemahiran TVET yang Paling Populer di Malaysia

1.	Perniagaan, Keusahawanan dan Kewangan Islam
2.	Teknologi Sistem Komputer
3.	Teknologi Elektrikal, Elektronik dan Telekomunikasi, Mekatronik
4.	Hospitaliti, Pelancongan dan Kulinari
5.	Seni dan Reka Bentuk
6.	Teknologi Maklumat, Animasi dan Multimedia
7.	Kejuruteraan Awam dan Seni Bina
8.	Teknologi Automotif
9.	Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi Logam
10.	Fesyen dan Menjahit Pakaian

Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, graduan TVET mempunyai peluang yang cerah kerana negara memerlukan banyak tenaga mahir dalam bidang industri. Graduan TVET sangat beruntung kerana kebanyakan mereka dinanti-nantikan oleh majikan. Kebanyakan institusi TVET juga menawarkan kemahiran yang sememangnya menjadi rebutan banyak syarikat pada hari ini. Graduan TVET turut berpeluang untuk menjadi usahawan dengan kemahiran tambahan yang sedia ada.

Pendidikan TVET merupakan laluan yang penting bagi negara seperti Malaysia untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan, berinovasi, dan mampu menghadapi saingan pada peringkat global dan serantau serta sentiasa relevan dengan keperluan semasa. Jadi, apakah keputusan anda? Selamat menyambung pengajian ke bidang yang anda minati! Berdasarkan senario tersebut juga, para pelajar mestilah lebih bijak menyusun dan merancang arah tuju selepas tamat persekolahan. Pendidikan memang penting tetapi memilih bentuk pendidikan yang boleh menjamin kejayaan masa depan tidak kurang pentingnya. Oleh itu, pilihlah bidang yang boleh memberikan laluan kerjaya yang lebih cerah. 